

UNTUK SIARAN SEGERA

Pra-Pembukaan Elmina Lakeside Mall Sime Darby Property Catat 85% Kadar Penghunian

- Elmina Lakeside Mall dijangka dibuka kepada orang ramai pada suku ketiga 2024;
- Rangkaian penyewa yang menarik akan memeriahkan lagi Bandar Elmina dan pusat beli-belah ini juga akan menjadi tarikan komersial di sepanjang kawasan Koridor Guthrie.

ARA DAMANSARA, 23 JANUARI 2024 – Pemilik perniagaan menunjukkan kepercayaan mereka terhadap jenama Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) dengan kadar penghunian 85% untuk Elmina Lakeside Mall yang bakal dibuka oleh Syarikat. Elmina Lakeside Mall yang terletak secara strategik di Bandar Elmina telah pun menarik minat para penyewa sejak sebelum pusat beli-belah itu selesai dibina.

Dengan keluasan sebanyak 17.2 ekar, Elmina Lakeside Mall merupakan pusat beli-belah milik penuh Syarikat yang kedua dan dijangka akan dibuka pada suku ketiga 2024. Pusat beli-belah di kejiranan Bandar Elmina dengan keluasaan lantai kasar kira-kira 400,000 kaki persegi ini merangkumi 712 tempat letak kereta, dan menawarkan pelbagai tawaran menarik termasuk restoran pandu lalu, pilihan tempat makan tempatan dan antarabangsa, produk rumah dan gaya hidup, perkhidmatan dan kemudahan, kesihatan dan kesejahteraan serta butik gaya hidup.

Antara jenama yang bakal menghuni Elmina Lakeside Mall adalah Jaya Grocer, Harvey Norman, The Coffee Bean & Tea Leaf, Nak Nak, Inside Scoop, Kenny Hills Bakers, Jibby & Co, Chica Bonita, Sushi Zanmai, Para Thai, Super Saigon, Dolly Dim Sum, Watsons, Toys“R”Us, Twigs Bookshop, Lavender Bakery, Nyonya Colors, Ali, Muthu & Ah Hock, The Bike Artisan, Pets Wonderland, Happy Fish dan banyak lagi.

Di sesi keterlibatan bersama para penyewa di tapak pembinaan Elmina Lakeside Mall, Ketua Pegawai Operasi – Pembangunan Perbandaran Sime Darby Property, Appollo Leong menyatakan bahawa minat daripada pemilik perniagaan menunjukkan pengaruh kedudukan pusat beli-belah yang strategik ini.

“Kami mengalu-alukan rakan kongsi perniagaan kami yang telah memilih Elmina Lakeside Mall sebagai destinasi utama untuk memperkenalkan kedai baru mereka. Kepercayaan mereka terhadap produk kami adalah bukti kepada persekitaran runcit yang menarik yang ingin kami wujudkan. Kami berterima kasih kepada rakan-rakan kongsi yang telah menyertai kami untuk mencipta pengalaman membeli-belah yang hebat dan menetapkan standard baru untuk kecemerlangan.”

Tambahnya lagi: “Kami amat teruja untuk memperkenalkan pusat beli-belah kejiranan terbaru kami, satu ruang dinamik yang direka bentuk untuk pengalaman membeli-belah yang tiada tandingan. Dengan pelbagai jenis jenama yang terkemuka, tawaran khas, dan kemudahan yang terkini, kami yakin bahawa Elmina Lakeside Mall akan menjadi tempat tumpuan utama untuk para pengguna dan pembeli. Kami bukan hanya membina destinasi membeli-belah; kami juga sedang mencipta pusat komuniti gaya hidup untuk penduduk.”

Sebagai pusat beli-belah pertama di Bandar Elmina, Elmina Lakeside Mall menawarkan peluang untuk perniagaan yang ingin meraih pasaran yang pesat berkembang di kalangan penduduk sedia ada di dalam dan sekitar perbandaran ini. Berhadapan dengan Elmina Urban Park, Elmina Lakeside Mall direka dengan konsep perniagaan *al fresco* dengan unsur-unsur biofilik seperti kedai makan tepi tasik, jalan-jalan berlandskap, struktur air, persekitaran semula jadi dan ciri-ciri yang menarik untuk siaran Instagram.

Elmina Lakeside Mall boleh diakses melalui beberapa laluan utama seperti Lebuhraya Bertingkat Damansara-Shah Alam (“DASH”), Lebuhraya Koridor Guthrie (“GCE”), Lebuhraya Baru Lembah Klang (“NKVE”) dan Lebuhraya Kuala Lumpur-Kuala Selangor (“LATAR”).

Watch a video from the event here: Elmina Lakeside Mall Tenant Engagement Event. <embed with

Tonton video acara tersebut di sini: [Sesi Keterlibatan Bersama Para Penyewa di Elmina Lakeside Mall.](#)

-TAMAT SIARAN-

Mengenai Sime Darby Property Berhad

Dengan pengalaman lebih daripada 50 tahun, Sime Darby Property menerajui pembangunan komuniti terancang, menetapkan penanda aras bagi kualiti, inovasi dan kemampanan dalam projek-projek kediaman, bersepadu dan bertingkat tinggi di 25 perbandaran dan pembangunannya di seluruh Malaysia.

Di kala peralihan kepada sebuah syarikat harta tanah menjelang 2025, Sime Darby Property memacu segmen perindustrian dan logistik di Elmina Business Park, Bandar Bukit Raja, Bandar Hamilton Nilai, dan Zon Ekonomi Khas Pagoh. Sime Darby Property juga merupakan pemaju harta tanah tersenarai awam pertama di Malaysia yang mewujudkan dana pembangunan dalam sektor perindustrian dan logistik untuk mendorong portfolio pendapatan berulangnya.

Syarikat telah berikrar untuk mencapai pelepasan karbon Sifar Bersih menjelang 2050 berpandukan sasaran berdasarkan sains untuk mengehadkan kenaikan suhu global kepada 1.5°C. Sebuah organisasi yang menujuari usaha-usaha pemeliharaan biodiversiti, Sime Darby Property merupakan konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sebagai sebahagian daripada konsortium Malaysia yang berjaya membangunkan semula Battersea Power Station yang ikonik di United Kingdom, Sime Darby Property juga memiliki Kuala Lumpur Golf & Country Club yang telah memenangi pelbagai anugerah serta menjadi tuan rumah kepada acara berprestij Maybank Championship yang diselia oleh LPGA.

Didorong oleh Matlamatnya untuk menjadi Pengganda Nilai kepada Masyarakat, Perniagaan, Ekonomi, dan Planet, Sime Darby Property melalui badan dermawannya, Yayasan Sime Darby, kekal aktif mencipta impak sosial yang positif untuk semua lapisan masyarakat.

Sime Darby Property diiktiraf di peringkat dunia dengan kemenangan Emas dan Perak di FIABCI World Prix d'Excellence Awards 2023, dengan pencapaian-pencapaian membanggakan lain, termasuk All-Stars di StarProperty Awards 2023, kedudukan Platinum dalam kategori Pembangunan Hartanah di Putra Brand Awards 2022, Anugerah 10 Pemaju Terbaik (Malaysia) di BCI Asia Awards 2023, Anugerah Pilihan Rakyat di PropertyGuru Asia Awards Malaysia 2023, serta dinamakan sebagai salah satu daripada tiga pemaju harta tanah terbaik Malaysia di 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards 2023'.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.simedarbyproperty.com
Kontak Media: Adela Megan Willy | +6017-604 5562 | adela.megan@simedarbyproperty.com
Untuk pertanyaan lanjut, sila emel: group.communications@simedarbyproperty.com